

Dr M ingatkan bahaya jika nafsu dibiarkan kuasai diri

BH 28 MAY 1982

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan rasa bimbang terhadap kecenderungan yang menurutnya mulai ketara di kalangan anggota UMNO untuk 'merebut ganjaran yang boleh didapati daripada perjuangan mengisi kemerdekaan negara'.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO mengingatkan sekiranya dibiarkan nafsu menguasai diri, masyarakat akan kucar-kacir dan negara hancur.

Perdana Menteri menyatakan demikian dalam temuramah dengan 'Merdeka' — suara rasmi UMNO Malaysia dalam keluaran terbarunya.

Menurut beliau, kecenderungan itu timbul kerana anggota-anggota UMNO menyangka bahawa perjuangan mengisi kemerdekaan telah mencapai matlamatnya.

"Kini kebanyakan

KUALA LUMPUR, Khamis

orang terlalu menitikberatkan soal ganjaran yang boleh didapati dan bukannya perjuangan itu sendiri," katanya.

Tercapai

Perdana Menteri mengingatkan rakyat, perjuangan mengisi kemerdekaan sebenarnya belum tamat tetapi beliau kesal melihat bahawa 'sesudah merdeka kita mulai hilang semangat dan tujuan'.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Apabila kita telah mencapai kemerdekaan, kita menyangka yang matlamat perjuangan kita itu telah tercapai.

"Selepas itu, apa yang kita fikirkan hanyalah bagaimana hendak merebut ganjaran yang boleh didapati daripadanya."

Beliau lalu menasihatkan para

anggota parti membandung sekuat-kuatnya kecenderungan tersebut dan sebaliknya menghidupkan semula semangat perjuangan asal UMNO dalam diri mereka.

Pada masa dulu, katanya lagi, UMNO berjuang bukan untuk laba sendiri tetapi untuk memelihara maruah dan kehormatan bangsa.

Perdana Menteri berkata, perpaduan dan disiplin partilah yang menjadi asas kemajuan dan kestabilan negara hingga masa ini.

Oleh itu, tegasnya, disiplin parti adalah penting dan kecenderungan yang mulai ketara untuk merebut ganjaran harus dibendung sekuat-kuatnya.

Perdana Menteri seterusnya memetik kisah Peperangan Uhud sebagai contoh hancurnya kekuatan

akibat membelakangkan disiplin.

Di dalam peperangan itu, tentera Islam pada mulanya telah hampir berjaya mencapai kemerdekaan. Tetapi, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir, di saat-saat itu juga bala tentera Islam mulai tamakkan harta rampasan, dan masing-masing melupakan disiplin serta memecah barisan untuk merebutnya.

Merosot

"Akibatnya ialah kekalahan," tegas beliau. Perjuangan kemerdekaan di negara ini, jelasnya sama juga keadaannya dengan yang berlaku di dalam Perang Uhud itu.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir senang hati kerana disiplin masih ada di dalam UMNO, walaupun kini semakin merosot.

Beliau menasihatkan anggota-anggota parti supaya berusaha menghidupkan semula semangat perjuangan asal UMNO dalam diri mereka sendiri.

"Kita berjuang bukan untuk laba sendiri tetapi untuk memelihara maruah dan kehormatan bangsa," tegas beliau.